

Hubungan antara Sains dan Keberadaan Penjadi Menurut Perspektif Al-Imam Al-Sanusi

The Relationship between Science and The Existence of Creator According to the Perspective of Al-Imam Al-Sanusi

Masakaree Ardae @ Nik Muhammad Syukri Nik Wan¹

¹ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia;

Progres Artikel

Diterima: 1 April 2019

Disemak: 4 Oktober 2019

Diterbit: 29 November 2019

*Perhubungan Penulis:

Masakaree Ardae @ Nik Muhammad Syukri Nik Wan,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Sultan Azlan Shah,
Kuala Kangsar, Perak,
Malaysia;
Emel:masakaree@usas.edu.my

Abstrak: Sains adalah ilmu pengetahuan yang sistematis dan boleh diuji atau dibuktikan kebenarannya. Sejarah awal mencataatkan bahawa sains telah mendapat tantangan yang hebat dari pihak gereja di Barat kerana ia dianggap berlawanan dengan agama. Menerusi kitab *Umm Al-Barahin* Al-Imam Al-Sanusi telah menjelaskan tanda-tanda atau bukti-bukti keberadaan Allah berbentuk Sains. Sejauh manakah Al-Imam Al-Sanusi berjaya mengaitkan hubungan sains dan keberadaan penjadi sebagai tanda atau bukti keberadaan Allah. Memandangkan kitab *Umm Al-Barahin* telah menjadi pilihan bagi kebanyakan ulama *turath Islami* di pusat-pusat pengajian Islam khususnya di alam Melayu dan persoalan tersebut juga belum lagi dibincang oleh mana-mana pengkaji, maka artikel ini cuba memecahkannya menerusi Sains Semula Jadi yang merupakan teras kepada sains lain. Sehubungan dengan itu, objektif artikel ini adalah untuk mengenal pasti Sains Semula Jadi dan hubungan dengan keberadaan penjadi menurut perspektif Al-Imam Al-Sanusi dalam kitab *Umm Al-Barahin*. Bagi mencapai objektif tersebut kajian ini menggunakan analisis kandungan melalui data kepustakaan. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa menerusi Kitab *Umm Al-Barahin* Al-Imam Al-Sanusi telah berjaya mengemukakan hubungan Sains Semula Jadi seperti alam berubah dengan keberadaan Allah.

Kata kunci: Sains Semula Jadi; Sifat-sifat Allah; Sifat 20; *Umm Al-Barahin* dan Al-Imam Al-Sanusi.

Abstract: Science is a systematic body of knowledge that can be tested and proven to be true. Early historical recorded that science had been greatly opposed by the Church in the West as it is regarded contrary to religion. Through the book of *Umm Al-Barahin* Al-Imam Al-Sanusi explained the signs and evidence of the existence of Allah through science. But how successful did Al-Imam Al-Sanusi chain up the relationship of science and the existence of creator as a sign and prove of the existence of Allah. As the book of *Umm Al-Barahin* was a choice for most scholars of *turath Islami* in Islamic learning centers especially in the Malay Archipelago, this question has never been discuss by any researcher, thus this article was meant to identify the Natural Science that was the core to other branches of science. For this purpose, the objective of this article is to identify Natural Science and its relationship with the existence of creator from the perspective of Al-Imam Al Sanusi in *Umm Al Barahin*. To achieve this objective, this research utilize the method of content analysis through library data. The outcome of this research shows that through *Umm Al-Barahin* Al Imam Al-Sanusi had successfully correlate the relationship between the Principle of Natural Science such as the changing of the universe with the existence of Allah.

Keywords: Natural Science; Attributes of Allah; 20 Attributes; *Umm Al-Barahin*; Al-Imam Al-Sanusi.

Pendahuluan

Manusia dilahirkan di permukaan bumi ini berkeadaan bebas daripada segala pengetahuan. Namun, mereka dibekalkan alat-alat tertentu untuk menguasainya. Hal ini pernah dijelaskan oleh Allah Taala pada firman-Nya yang bermaksud: “Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibumu dalam keadaan tidak mengetahui sesuatupun dan Dia memberi kamu pendengaran, penglihatan dan hati, agar kamu bersyukur” (Al-Nahl 16: 78).

Dengan bekalan yang disediakan manusia mampu mengumpul maklumat dan pengetahuan menurut kemampuan mereka masing-masing. Dalam hal ini, Ahmad Fu’ad Basya (1984) menjelaskan bahawa apabila manusia memiliki banyak maklumat dan pengetahuan dalam pelbagai tajuk, maka berpisahlah setiap tajuk bersama bidangnya masing-masing secara beransur-ansur serta dijadikan dirinya berbentuk sains. Di sini lahirlah pelbagai sains, antaranya Sains Semula Jadi yang membincangkan proses semula jadi alam ini atau yang dinamakan sebagai *Al-‘Ulum Al-Tabi‘iyah*. Sains Semula Jadi atau *Al-‘Ulum Al-Tabi‘iyah* telah mempengaruhi kehidupan di planet ini dan tidak dapat diasingkan daripada kehidupan harian.

Agama dan sains tidak selamanya berada dalam pertentangan dan ketidaksesuaian (Baharuddin, 2014). Islam adalah agama besar pertama yang utamakan penjajaan kepentingan alam semula jadi hingga membolehkan manusia berakal memulakan usaha mereka menuju kepada Allah (Labib, 2015). Sekalipun Al-Quran tidak pernah menyebut perkataan *Tabi‘i*, namun terdapat perkataan yang hampir sama pengertian dengannya dan sering disebutkan adalah perkataan plural daripada ‘Alam iaitu ‘Alamin. Yumna Tarif Al-Khawli (1995) turut percaya bahawa Sains Semula Jadi merupakan tangga Ketuhanan. Baru alam sebagai tanda Kewujudan Allah, Kekuasaan, Pengetahuan, Kebijaksanaan dan Hidup-Nya bukan sahaja diterima dalam kalangan ahli Kalam malah bukti tersebut juga turut diterima oleh orang Islam secara menyeluruh. Pandangan tersebut dapat diperkuatkan lagi dengan firman Allah yang bermaksud: “Kami akan perlihatkan kepada mereka tanda-tanda kekuasaan Kami di merata-rata tempat dan pada diri mereka sehingga ternyata kepada mereka bahawa Al-Qur'an adalah benar. Belumkah cukup bagi mereka bahawa mengetahui dan menyaksikan tiap-tiap sesuatu?” (Fussilat 41: 53).

Safer Al-Marry (t.th) menganalogikan bahawa sekiranya seorang lelaki mendengar daripada seseorang yang tidak pernah berbohong bahawa wujudnya sebuah negara yang tidak pernah beliau menyaksikan sebelum ini seperti negara Yaman umpamanya, beliau

membesar dan percaya. Apabila beliau mendengar daripada ramai orang maka bertambah keyakinannya. Apabila beliau melihat fotonya maka bertambah lagi kepercayaan tentang kewujudan negara tersebut. Apabila beliau bermusafir, nampak bendera dan kecantikannya maka bertambah lagi keyakinan dan hilanglah keraguan tentangnya. Apabila sampai dan lihat dengan mata kepalanya sendiri maka tidak ada ruang kecurigaan lagi. Melekatlah kepercayaan tersebut dalam diri dengan kuat dan mustahil beliau tinggalkan kepercayaan tersebut walaupun semua orang tidak bersetuju.

Demikianlah, Sains Semula Jadi dapat membantu menambah iman seseorang dan memperkuatkan keyakinan mereka. Dengan itu, Safer Al-Marry (t.th) percaya bahawa akidah Islam disokong oleh akal dan diperkuatkan oleh pertimbangan yang tepat. Akhirnya beliau (t.th) membuat keputusan bahawa alam semesta serta isinya boleh memancarkan pandangan akidah yang cukup mudah iaitu alam semesta ini ada penjadi, pembuat dan pengada. Dan beliau (t.th) percaya bahawa ini merupakan fitrah yang telah dijelaskan pada firman Allah Taala yang bermaksud: “Maka hadapkanlah wajahmu dengan lurus kepada agama Allah; (tetaplah atas) fitrah Allah yang telah menciptakan manusia menurut fitrah itu. Tidak ada perubahan pada fitrah Allah. (Itulah) agama yang lurus; tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui” (Al-Rum 30: 30).

Ayi Darmana (2012) turut berkeyakinan bahawa sains mampu meningkatkan keyakinan terhadap setiap sesuatu yang ada di alam. Keyakinan ini dapat mendorong keyakinan tentang ketundukan, karakteristik dan keteraturan dari benda-benda yang dicipta, kesemua ini akan memungkinkan tumbuhnya sikap positif, kagum akan kebesaran, kekuasaan dan kasih sayang Allah, menjadi motivasi untuk bersyukur, meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah.

Pengenalan Sains Semula Jadi

Ibrahim Madkur (1983) Ketua Akademi Bahasa Arab di Kaherah, Mesir (1974-1995M.) mendefinisikan Sains Semula Jadi atau yang lebih dikenali sebagai *Al-‘Ulum Al-Tabi‘iyah* (Physical Sciences) sebagai pengajaran tentang kepelbagaiannya fenomena dalam alam haiwan, tumbuhan dan benda-benda yang tidak bernyawa. Menurut beliau, pengajaran ini telah menarik perhatian ke arah pemerhatian dan pengujian. Ia juga merupakan bidang yang luas bagi induksi dan metode eksperimen. Dan pengajaran ini juga akan berakhir dengan penemuan dan keputusan yang memperlihatkan tanda-tanda dan rahsia alam tersebut.

Yumna Tarif Al-Khawli (lahir 1955M.), Profesor bidang Falsafah Sains dan Ketua Jabatan Falsafah, Fakulti Seni, Universiti Kaherah, Mesir

membataskan maksud perkataan “alam” yang sering dikaitkan dengan Sains Semula Jadi. Menurut Al-Khwali (1995) Alam tersebut merupakan alam syahadah yang dikenali sekarang sebagai alam fizikal dan ditransformasikan oleh ahli Kalam sebagai *jauhar* (apa saja yang menerima ‘*arad*’) dan ‘*arad*’ (sifat yang baharu seperti putih, merah, hitam, kuning, gerak, diam dan sebagainya). Abd Al-Fatah Mustafa Ghanimah (lahir 1941M.) Pensyarah Bidang Falsafah dan Psikologi Universiti Menoufia, Mesir menyifatkan alam ini sebagai alam yang ada berbentuk fizikal dan bergerak atau bertukar (berubah). Seterusnya, Ghanimah menjelaskan maksud berubah sebagai berubah dari satu arah kepada arah yang bertentangan. Sekiranya, berubah daripada tidak ada kepada ada maka dinamakan sebagai “*kaunan*” dan sekira berubah daripada ada kepada tidak ada maka dinamakan sebagai “*fasaadan*” (Ghanimah, t.th).

Sains Semula Jadi diperuntukkan menerusi fenomena semula jadi. Fenomena tersebut turut dikongsi oleh manusia secara sama rata (Ghanimah, t.th). Namun, bermulanya perbincangan secara teratur tentang elemen semula jadi atau asas pertama yang terdiri daripadanya segala yang ada adalah pada abad yang ke-6 sebelum Masihi di Yunani atau Greece. Antara ahli falsafah yang terlibat dalam perbincangan tersebut adalah Talis (543-634 SM.), Anaximander (547-610 SM.), Anaximenes (524-588 SM.), Empedoclis (430-490 SM.), Democritus (361-470 SM.). Perbincangan tentang isu tersebut, turut dikongsikan kemudiannya oleh Plato (347-427 SM.) dan Aristotle (322-384 SM.) pada abad yang ke-4 sebelum Masihi.

Disebabkan penyelesaian isu yang dibincangkan telah mendahului ajaran gereja. Antaranya Talis mengemukakan air sebagai asas pertama kepada segala yang ada manakala Anaximenes mengemukakan udara. Oleh yang demikian penemuan mereka turut ditentang oleh paderi-paderi yang berkuasa ketika itu. Tentangan dari pihak berkenaan telah menyebabkan ramai ahli falsafah yang menanggung derita. Antara penderitaan yang ditanggung oleh ahli falsafah Yunani adalah penahanan dan pembuangan Galileo Galilei (1564-1642M.) di daerah Siena, Itali yang mengakibatkan buta dan berakhir dengan kematian atas faktor kesihatan yang menimpa beliau (Ahmad Husni Bin Haji Hasan, 2012).

Pengajian falsafah dan teologi Yunani telah muncul di Mesir, Syria dan Iraq. Di Mesir, Iskandariyah merupakan pusat pengajian yang sangat penting pada abad ke-7M. Di Syria dan Iraq, sudah dipelajari sejak abad ke-4M.; tempatnya di kota Antioch, Haran, Edessa dan Qinnesrin di kawasan Syria Utara, dan di Kota Nisibis dan Ras‘aina di dataran tinggi Iraq. Antara pusat pengajian ini ada yang

masih berkembang subur ketika kota Baghdad didirikan pada 762M. oleh khalifah ‘Abbasiyah Abu Ja‘far Al-Mansur (136-158H./754-775M.) seperti pusat pengajian di Jundishapur berdekatan dengan Baghdad (Fakhry, 1989).

Selama period tertentu Basrah yang dikuasai oleh tentera Islam di bawah pimpinan Sa‘ad bin Abi Waqqas (m. 55H./674M.) dan dijadikan markas tentera Islam pada masa pemerintahan Khalifah Umar Al-Khattab di bahagian tenggara Iraq turut berkembang menjadi pusat ilmu pengetahuan, pendidikan dan kebudayaan, di mana para sarjana dan sasterawan dari berbagai pelosok kerajaan Islam berduyun-duyun datang ke sana (Nadvi, 1984). Demikianlah, Basrah telah menjadi tempat tumpuan ramai yang merupakan tempat pertemuan antara dua budaya iaitu budaya Parsi dan Arab.

Apabila wilayah-wilayah yang begitu lama dipengaruhi oleh tamadun Greek-Rumawi turut ditawan oleh tentera Islam, seperti wilayah Syria, maka hubungan antara kaum Muslimin dengan orang-orang asing menjadi semakin rapat apabila Mu‘awiyah bin Abi Shufyan (m.60H./680M.) memindahkan pusat kerajaan Bani Umayyah ke Syam pada 41H./661M. (Abdul Rahman Haji Abdullah, 1990).

Pada akhir pemerintahan Bani Umayyah, falsafah Yunani dan India mulai menyerap masuk dalam fikiran orang-orang Arab. Beberapa bahagian daripada falsafah Yunani diperkenalkan kepada kaum Muslimin melalui Parsi kerana peradaban Parsi masih tetap dipengaruhi falsafah Yunani ketika Islam sampai di sana, demikian juga Syria, kerana orang Syria juga mewarisi falsafah Yunani dan menjadikan falsafah tersebut sebagai kesempurnaan bagi agama mereka. Di samping itu, falsafah Yunani masuk melalui orang Yunani sendiri kerana sebahagian kaum Muslimin yang berasal dari *mawali* (Orang bukan Arab memeluk Islam) menyambut baik orang-orang Yunani (Abu Zahrah, 1996).

Pada zaman pemerintahan ‘Abbasiyah, telah berlaku pembangunan dan pengembangan pelbagai ilmu. Abu Ja‘far Al-Mansur (sebagai khalifah yang ke-2H.) telah mendorong kebebasan berfikir dan baginda juga merupakan penguasa Muslim pertama yang menggalakkan pembacaan buku-buku asing tentang pelbagai ilmu (Nadvi, 1984) yang berkaitan dengan aspek-aspek praktis seperti perubatan, kimia dan fizik (Mahmud, 1995).

“Kita mungkin dapat menerima keterangan tradisional yang dapat dipercaya bahawa naskah-naskah [sic naskhah-naskhah] ilmiah dan perubatan adalah karya-karya yang paling awal diterjemahkan ke dalam bahasa Arab” (Fakhry, 1989).

Apabila sarjana-sarjana bukan Muslim menyerang ajaran-ajaran Islam dengan senjata falsafah

(Nadvi, 1984) tentu sahaja memerlukan suatu tingkat pengalaman yang tinggi dalam mempertahankannya. Khalifah Al-Ma'mun bin Harun Al-Rasyid (198-218H./813-833M.) terpaksa melawan dengan senjata yang sama. Baginda telah mendirikan *Bayt Al-Hikmah* atau Balai Kebijaksanaan, lembaga dan perpustakaan rasional untuk kegiatan penterjemahan dan penelitian di kota Baghdad (Fakhry, 1989). Baginda juga telah memberikan dorongan kepada orang-orang Islam untuk mempelajari falsafah Yunani di samping meminta para cendekiawan melaksanakan proses pengumpulan dan penterjemahan karya-karya asing dalam bahasa Syria, Greek, Sanskrit dan Pahlavi ke dalam bahasa Arab hingga abad ke-3H./10M. Antara penterjemah dan penyusun yang terkenal adalah Hunayn ibn Ishaq Al-'Ibadi (192-258H./809-873M.) dan anaknya Ishaq bin Hunayn Al-'Ibadi (215-298H./830-910M.), mereka menghimpunkan segala terjemahan termasuk buku karya Hippocrates (460-370 S.M), Plato, Aristotle, Dioscorides (40-80M.), Ptolemy (100-170M.), Galen (130-200M.) dan lain-lain (Nakosteen, 1964). Pada zaman ini dikenali sebagai zaman pembangunan ilmu dan persuratan Arab (Ibrahim Abu Bakar, 2001).

"Falsafah dan teologi dalam Islam berhubungan erat dengan munculnya dinasti Abbasiyah [sic 'Abbasiyyah] pada pertengahan abad kelapan" (Fakhry, 1989).

Ilmu-ilmu yang bersumberkan asing telah berperanan dalam pembinaan ilmu-ilmu Islam yang diakibatkan oleh kesan pengaruh Hellenisme ke dalam bahasa Arab, maka abad yang ke-3H. dan yang ke-4H. muncul menjadi 'Zaman Emas' kebudayaan Islam iaitu persuratan dan sains berkembang dalam semua bidang ilmu pengetahuan di semua tempat (Gibb, 1992). Terjemahan tentang akidah dan akhlak telah berubah mengikut persekitaran Islam sedikit demi sedikit. Tetapi dengan alasan berterusan, berulang-ulang dan telah menjadi kebiasaan, maka keadaannya telah mendedahkan kepada pembacaan, kajian, perbincangan, perbahasan yang rumit dan perbalahan di kalangan Muslim (Mahmud, 1995).

"Pengaruh falsafah yang kuat terhadap pemikiran Islam datang segera setelah diperkenalkan dan disebarluaskan naskhah-naskhah falsafah pada abad kesembilan" (Fakhry, 1989).

Proses akulturas dan asimilasi telah mempengaruhi para ulama Muktazilah seperti Mu'ammar bin 'Abbad (m.215H./830M.), Ibrahim bin Al-Nazzam (m.231/845M.), Abu al-Huzayl Al-'Allaf (135-235H./751-849M,) dan Al-Jahiz (158-255H./776-869M.). Pada saat inilah, muncul bersama dengan golongan Muktazilah ilmu yang dinamakan sebagai '*Ilm Al-Kalam* (Ilmu Kalam) yang membuka luas pintu perselisihan kerana pandangan dan kaedah yang berbeza.

"Makin maju kebudayaan dan peradaban manusia, makin terbuka lebar celah-celah perbedaan [sic perbezaan] pendapat sehingga pada gilirannya melahirkan berbagai aliran filsafat [sic falsafah], sosiologi, dan ekonomi" (Abu Zahrah, 1996).

Muktazilah telah mengemukakan kaedah logika murni sebagai landasan dalam menetapkan pemahaman akidah mereka. Jika kelihatan terdapat pertentangan antara fahaman yang ditetapkan oleh mereka dan nas Quran yang dibaca oleh mereka, maka nas tersebut akan ditakwil sehingga tidak bertentangan dengan fahaman mereka dan sekaligus tidak bertentangan dengan maknanya.

"Sesungguhnya ilmu kalam Islam telah terpengaruh dengan pendekatan akal serta aliran kreatif dan rekaan yang dicetuskan oleh gelombang Yunani" (Mahmud, 1995).

Ilmu kalam tajaan Muktazilah juga menyumbang kepada kemunculan ramai tokoh ulama Islam yang menentang. Mereka terdiri daripada ulama fiqh dan ulama hadis yang mengutamakan wahyu seperti Al-Imam Malik (95-179H./714-795M.), Al-Imam Al-Syafi'i (150-204H./767-820M.), Al-Imam Ahmad bin Hanbal (164-241H./781-856M.) (Mahmud, 1995 dan Ibrahim Abu Bakar, 2001). Walau bagaimanapun, tantangan tidak berkesan kerana khalifah Al-Ma'mun telah menjadikan aliran ini sebagai pegangan rasmi negara dan berterusan sehingga zaman Al-Mu'tasim (m.m.218-227H./833-842M.) dan Al-Wathiq (m.m.227-232H./842-847M.) (Abdul Rahman Haji Abdullah, 1990).

Dari sini muncullah dua asas yang berbeza dari segi akidah, pertama ialah kemanusiaan iaitu akal dan kedua ialah ketuhanan iaitu wahyu (Mahmud, 1995). Selain itu, terdapat sekelompok sarjana *Ikhwan Al-Safa* di Basrah, Iraq pada 373H./983M. yang datang dengan misi perdamaian iaitu bermaksud menghentikan pertikaian antara golongan-golongan Islam, mereka mencurahkan tenaga untuk mendamaikan akal dan wahyu (Nadvi, 1984). Mengikut Abu Hayyan Al-Tauhidi (310-414H./922-1023M.) mereka terdiri daripada Abu Sulayman Muhammad bin Ma'syar Al-Bisti atau lebih dikenali sebagai Al-Maqdisi, Abu Al-Hasan 'Ali bin Harun Al-Zanjani, Abu Ahmad Al-Mihrajani, Al-'Auqi dan Zayd bin Rifa'i (Al-Tauhidi, 2011). Nama-nama tersebut turut dipetik kemudiannya Majid Fakhry (1989) pensyarah bidang falsafah di Lebanon, UK dan Amerika Syarikat. Sebenarnya, nama-nama tersebut belum lagi mendapat pengesahan para pengkaji hingga hari ini.

Keadaan berlangsung sedemikian rupa, sehingga muncul pula Al-Imam Abu al-Hasan Al-Asy'ari (260-324H./873-935M.) pada awal kurun ke-4H. Beliau memperkenalkan jalan tengah, yakni antara keyakinan kaum Salaf dengan keyakinan orang yang

menentang mereka. Kemudian beliau dibela oleh jemaah ulama terkemuka, antaranya seperti Qadi Abu Bakar Muhammad bin al-Tayyib Al-Baqillani (330-403H./950-1013M.), Al-Imam Al-Isfarayni (m.418H./1027M.), Al-Imam al-Haramain Dhiya' al-Din 'Abd al-Malik ibn Yusuf Al-Juwaini (419-478H./1028-1085M.) dan lain-lain. Pendirian beliau ini dinamakan dengan Mazhab Ahli Sunah Waljamaah. Akhirnya lenyaplah di hadapan ulama-ulama terkemuka tadi dua unsur kekuatan yang besar: Pertama kekuatan daripada pihak yang berpegang teguh kepada kelahiran ayat dan hadis; kedua, kekuatan daripada pihak yang gemar akan dugaan fikiran sahaja ('Abduh, 1979).

Demikianlah aliran Muktazilah yang sangat dipengaruhi oleh falsafah Yunani sehingga lebih dikenali sebagai Rasionalis di dalam Islam (Abdul Rahman Haji Abdullah, 1992). Ia bukan setakat melibatkan aliran Muktazilah, tetapi penentangannya dari kalangan Ahli Sunah Waljamaah juga turut melibatkan dalam lingkungan kumpulan silogisme, dan kajian rasional murni. Kesemua ini mendorong penyerapan ilmu-ilmu rasional yang diterjemahkan pada masa itu.

Menurut A. Hanafi pengertian *jisim* (benda), *jauhar* dan *'arad* adalah kutipan Al-'Asy'ari dari tafsir Keesaan yang diberikan oleh aliran Muktazilah dalam menghadapi golongan Syiah Rafidah yang ekstrem dan yang menggambarkan Tuhan dalam bentuk yang berjisim dan boleh diindera, disamping golongan-golongan agama dualisme dan trinitas (A. Hanafi, 1974b).

"Dengan masuknya berbagai aliran filsafat [sic falsafah] ke dalam Islam terjadilah berbagai pengkajian secara filsafat [sic falsafah] yang berkaitan dengan 'aqidah [sic akidah], sehingga sebagian [sic sebahagian] ulama membicarakan sifat-sifat Allah yang terdapat dalam al-Qur'an [sic al-Quran] yaitu [sic iaitu] apakah sifat-sifat itu bukan merupakan Dzat [sic Zat] Allah ataukah Dzat [sic Zat] dan sifat Allah adalah satu dan tidak bisa [sic boleh] dibedakan [sic dibezakan]; apakah al-Kalam merupakan sifat Allah ataukah bukan; dan apakah al-Qur'an [sic al-Quran] itu makhluk [sic makhluk] ataukah bukan. Demikianlah, semakin lama semakin luas persoalan yang diperdebatkan" (Abu Zahrah, 1996).

Perkembangan ilmu akaid pada zaman ini pesat sekali, kitab yang dikarang oleh ulama Islam bertambah banyak dan terus maju dalam pelbagai bidang dan bahasa kerana ilmu ini diwajibkan pada zaman permulaan Islam lagi. Kemudian dipelajari dan dikaji oleh umat Islam dari semasa ke semasa dan dianggap satu cabang Ilmu yang terpenting yang dipelajari secara khusus oleh umat Islam (Abdul Aziz Omar Ahmad, 2001).

Kitab *Umm Al-Barahin* Dan Pembuktian Kewujudan Allah

Ramai di kalangan ulama-ulama Islam yang terkemudian terpengaruh dengan ilmu falsafah. Mereka mencampurkan penulisan-penulisan ilmu akidah ketuhanan dengan ilmu falsafah seperti *Asas al-Taqdis fi 'Ilm al-Kalam* karya Fakhr al-Din Al-Razi (544-606H./1149-1209M.), seorang ulama kelahiran Tabrustan (Azribijan), *Tawali' al-Anwar fi 'Ilm al-Kalam* karya Nasir al-Din Abi Sa'id 'Abd Allah bin 'Umar bin Muhammad Al-Syirazi Al-Baydawi (m.685H./1286M.), seorang ulama kelahiran Bayda', Syiraz dan *Al-Mawaqiffi 'Ilm al-Kalam* karya 'Abd al-Rahman bin Ahmad bin Abd al-Ghaffar bin Fadl atau yang lebih dikenali dengan Al-Qadi 'Idd al-Din Al-Iji (m.756H./1355M.), seorang ulama kelahiran Ij, Syiraz (Iran). Percampuran ini menimbulkan kesamaran tentang fahaman akidah orang Islam, seterusnya dipelajari dengan cara yang lebih dekat iaitu secara berturutan, oleh sebab itu terhentilah kemajuan ilmu pengetahuan.

"Melimpah padanya [zaman Al-Imam Al-Sanusi] lautan kejahilan dan tersebar padanya [zaman Al-Imam Al-Sanusi] kebatilan" (Al-Sanusi, t.th).

Dalam rangka menyelesaikan permasalahan tersebut, Al-Imam Al-Sanusi telah mengemukakan sebuah kitab bertajuk *Umm al-Barahin*. Kitab tersebut telah membahagikan sifat-sifat yang wajib atau yang mesti ada pada Zat Allah Taala kepada empat bahagian iaitu *Nafsiyyah*, *Salbiyyah*, *Ma'ani* dan *Ma'nawiyyah*.

Bahagian *Nafsiyyah* satu sifat sahaja iaitu *Al-Wujud* (Ada). Adapun bahagian *Salbiyyah* baginya lima sifat iaitu *Al-Qidam* (Sedia), *Al-Baqa'* (Kekal), *Mukhalafatuhu Ta'ala li al-Hawadith* (Menyalahi atau berlainan Allah Taala dengan segala yang baharu), *Qiyamuhu Ta'ala bi Nafsih* (Berdiri Allah Taala dengan sendiri-Nya) dan *Al-Wahdaniyyah* (Tunggal). Seterusnya bahagian *Ma'ani* baginya tujuh sifat iaitu *Al-Qudrah* (Berkuasa), *Al-Iradah* (Berkehendak), *Al-'Ilm* (Mengetahui), *Al-Hayah* (Hidup), *Al-Sam'* (Mendengar), *Al-Basar* (Melihat) dan *Al-Kalam* (Berkata-kata). Manakala bahagian *Ma'nawiyyah* merujuk tujuh sifat juga iaitu *Kaunuhu Qadiran* (Keadaan-Nya Yang Berkuasa), *Muridan* (Yang Berkehendak), *'Aliman* (Yang Mengetahui), *Hayyan* (Yang Hidup), *Sami'an* (Yang Mendengar), *Basiran* (Yang Melihat) dan *Mutakalliman* (Yang Berkata-kata).

Seterusnya, Kitab *Umm Al-Barahin* turut memperkenalkan bahagian-bahagian yang absurd bagi Allah Taala atau yang dikenali dengan nama sifat mustahil bagi Zat Allah Taala sebagai lawan bagi bahagian-bahagian yang wajib tadi dan diikuti dengan bahagian yang harus atau jaiz bagi Zat-Nya Taala iaitu harus bagi Allah Taala membuatkan segala yang

mungkin (harus adanya dan tiadanya) atau meninggalkannya seperti memberi pahala, menyeksa, mengutuskan para Nabi, melakukan sesuatu yang baik dan yang terbaik.

Beriman kepada kewujudan Allah Taala merupakan rukun Islam yang pertama dan asas yang paling penting. Semua syariat dan agama samawi menyeru kepada beriman kepada Allah. Dakwah setiap nabi dan rasul di sepanjang zaman juga adalah bertujuan untuk beriman kepada Allah (Nawfil, 1958). Walaupun demikian, Al-Syeikh Abdul Halim Mahmud (m.1978M.) bekas Syeikh al-Azhar, Mesir (1973-1974M.) tetap menafikan keberadaan ayat-ayat al-Quran yang membincangkan persoalan kewujudan Allah Taala kerana Allah Taala dalam adat pemakaian Islam dan di kalangan orang-orang yang memiliki fitrah yang bersih tetap wujud dan tidak diragui (Mahmud, 1995). Walaubagaimanapun Mohd Fuad Othman, Mohd. Aderi Che Noh, Maimun Aqsha Libis dan Wan Nurul Syuhada' Wan Hassan (2017) bersepakat bahawa sains Al-Quran memainkan peranan yang amat sebagai sumber pendidikan yang efektif untuk mengenali Tuhan yang mencipta.

Dalam hal ini, Al-Imam Al-Sanusi memperkenalkan pendekatan sains semula jadi sebagai bahan bukti kewujudan Allah Taala iaitu baru alam sebagai tanda kewujudan-Nya. Menurut beliau sekiranya tidak ada penjadi alam malah ia dijadikan dengan sendirinya nescaya ada persamaan pada ada, tiada dan sebagainya. Menguatkan persamaan tanpa sebarang sebab adalah mustahil. Baru alam pula boleh dibuktikan menerusi kelazimannya dengan sifat-sifat baru seperti bergerak, berdiam dan sebagainya. Dan setiap yang melazimkan baru adalah baru juga. Bukti barunya sifat-sifat pula dapat dilihat daripada berubah-berubah daripada tiada kepada ada dan daripada ada kepada tiada.

Al-Fadali membahagikan tanda-tanda tersebut kepada dua bahagian iaitu tanda ada-Nya Allah Taala dan tanda baharunya alam semesta ini. Seterunya beliau menyusunkan kedua-dua tanda itu dengan kata:

"Alam semesta yang terdiri daripada *jirim-jirim* [sesuatu yang memenuhi lapang sama ada bersusun atau tidak] dan '*arad-arad*' adalah baharu, setiap yang baharu mesti ada penjadinya, maka alam semesta mesti ada penjadi baginya" (Al-Fadali, t.th).

"*Jirim-jirim* disertai dengan '*arad-arad*' yang baharu, tiap-tiap yang disertai dengan '*arad-arad*' yang baharu adalah baharu, maka *jirim-jirim* adalah baharu" (Al-Fadali, t.th).

Bahagian yang kedua dalam sebutan Al-Fadali turut sebut juga oleh Al-Syeikh Ibrahim Al-Bayjuri dalam hasyiah beliau kepada *Matn al-Sanusiyyah* (Al-Bayjuri, 1269).

Al-Imam Al-Sanusi telah menerapkan tasawur

Islam yang merangkumi tiga unsur utama iaitu Penjadi, Alam dan manusia. Penerapan ini dilakukan berdasarkan kepercayaan beliau bahawa teori-teori saintifik dapat menukar fakta kepada kepercayaan akidah. Oleh yang demikian beliau berusaha membuka minda manusia dengan menggunakan kenyataan (alam dan sistemnya) sains semula jadi yang ada di sekelilingnya iaitu baharu alam semesta menerusi fenomena perubahannya sebagai pendekatan pembuktian alam ghaib iaitu kewujudan Allah Taala. Demikianlah, Al-Imam Al-Sanusi percaya bahawa tidak ada percanggahan antara agama dan sains.

Menurut Harun Yahya (t.th) Allah Taala Yang menjadikan agama dan sains. Al-Quran yang diturunkan pada 1400 tahun yang lepas mengandungi ayat-ayat yang menunjukkan fakta sains yang ditemui sains moden. Dalam hal ini juga Yumna Tarif Al-Khawli (1995) menjelaskan bahawa bukti baru merupakan eksperimen yang berdasarkan lihat secara zahir. Dan berpindah kemudiannya daripada kenyataan yang boleh dirasai kepada fikiran.

Pendekatan yang hampir sama juga pernah disuarakan oleh Nabi Allah Ibrahim AS. (sekitar 1997-1822 SM.) sebagaimana pada firman Allah Taala yang bermaksud: "Ketika malam telah gelap, dia melihat sebuah bintang (lalu) dia berkata: "Inilah Tuhanaku", tetapi tatkala bintang itu tenggelam dia berkata: "Saya tidak suka kepada yang tenggelam." Kemudian tatkala dia melihat bulan terbit dia berkata: "Inilah Tuhanaku". tetapi setelah bulan itu terbenam, dia berkata: "Sesungguhnya jika Tuhanaku tidak memberi petunjuk kepadaku, pastilah aku termasuk orang yang sesat." Kemudian tatkala ia melihat matahari terbit, dia berkata: "Inilah Tuhanaku, ini yang lebih besar". Maka tatkala matahari itu terbenam, dia berkata: "Hai kaumku, sesungguhnya aku berlepas diri dari apa yang kamu persekutukan" (An'am 6: 74-78).

Konsep alam semesta adalah *jirim* dan '*arad*' yang dikemukakan oleh Al-Imam Al-Sanusi, tidak jauh berbeza kandungannya dengan konsep *Jauhar Fard* (sesuatu yang tidak mungkin dikerat dan dibelah bahagi) yang telah dikemukakan oleh Al-'Allaf dan Al-Baqillani sebelumnya. Menurut Yumna Tarif Al-Khawli (1995) fenomena seperti ini hanya pernah dibincangkan pertama kali oleh Syeikh kepada Muktazilah iaitu Al-'Allaf. Perbincangannya adalah bertujuan untuk membuktikan bahawa alam ini berubah, lagi baru dan hanya Allah Yang Qadim lagi memiliki sifat Ilmu dan *Qudrah* Yang Komprehensif.

Ahli sejarah pemikiran berselisihan pendapat tentang sumber teori *Jauhar Fard*. Sebahagian percaya bahawa sumbernya adalah ahli falsafah Yunan seperti Leucippus (Awal abad ke-5 SM.), Democratis (361-470 SM.) Epicurus (341-271 SM.) (A. Hanafi, 1974) dan Aritotle (Mat Rofa Ismail, 1997). Sebaliknya,

Penes mengatakan bahawa sumber tersebut adalah India, sedemikian juga Horten (A. Hanafi, 1974).

Sama ada pendapat yang mengatakan bahawa *Jauhar Fard* itu bersumber kepada Yanan atau India, kedua-keduanya telah mengakui bahawa sumber teori ini adalah dari falsafah dan pemikiran kuno asing yang bukan dalam Islam. Mengikut A. Hanafi (1974b) dan Abdulfatah Haron Ibrahim (2003) teori ini telah disusun kemudiannya oleh seorang tokoh Muktazilah iaitu Al-‘Allaf hingga menjadi teori atom yang berkeperibadian Islam. Teori tersebut turut diubah nama kemudiannya sebagai *Jauhar Fard* dan diamalkan oleh pengikut Al-Asy‘ari. Seterusnya, Ahmad Daudy (1983) percaya bahawa teori yang sama juga turut digunakan oleh Ibn ‘Arabi. Teori ini telah di sambung kemudiannya oleh para pengikut Al-Asy‘ari seperti Al-Baqillani dalam *Al-Tamhid* (A. Hanafi, 1974).

A. Hanafi cuba memberi gambaran perbezaan di antara teori atom mengikut pandangan Islam dan pandangan bukan Islam. Menurut beliau (1974b) Atom mengikut pandangan Islam adalah makhluk Allah yang berada di bawah kehendak-Nya, sebaliknya atom mengikut pandangan asing adalah azali dan abadi dan berada di bawah hukum kebetulan. Perbezaan yang dikemukakan adalah selari dengan perbezaan yang diberi oleh Yumna Tarif Al-Khawli (1995) iaitu teori atom cuba menghuraikan alam semula jadi serta memahaminya manakala teori *Jauhar Fard* pula, cuba menghuraikan hubungan Allah Taala dengan alam bermula daripada Ada Allah hingga penetapan sifat *Qudrat* dan Ilmu Yang Komprehensif. Seterusnya, Al-Khawli percaya bahawa atom Yunani adalah kekal abadi dan tidak berkesudahan. Pergerakannya juga, tidak berkesudahan di ruang yang tidak terhad. Pergerakannya menciptakan alam semesta sebagai keadaan mekanikal maka terjadilah segala yang ada sebagai hasil daripada pertembungan atom. Maka terkaya daripada Ketuhanan dan tindakan penciptaan. Adapun ahli kalam melihat teori *Jauhar Fard* sebagai makhluk yang baru dan berkesudahan. Dan Allahlah yang membuat dan mengadakan padanya ada, tiada, bergerak dan berdiam.

Di samping *Jauhar Fard*, dalam kelompok Al-Asy‘ari juga dikenal dengan teori *mungkin* dan *wajib*, ciptaan Al-Juwaini. Teori ini mengatakan bahawa alam ini dan segala isinya boleh terjadi dalam suatu keadaan yang berlainan dengan keadaan sekarang. Matahari umpamanya boleh terbit di barat dan tenggelam di timur, batu boleh naik ke atas dan turun ke bumi. Dengan kata lain, alam ini adalah alam yang *mungkin* wujud dan juga tidak. Wujudnya alam ini cuma harus. Tetapi kenyataannya alam ini ada dan nyata. Maka jelas setiap yang ada itu ada yang mewujudkannya. Yang mewujudkan itulah Tuhan. (M. Laily Mansur, 1981, A.

Hanafi 1974). Mengikut Ahmad Daudy, teori *mungkin* dan *wajib* adalah sebuah teori ciptaan Al-Juwaini yang telah diperkembangkan dari konsep *jisim*, *jauhar* dan *‘arad* Al-Baqillani (Ahmad Daudy, 1983).

‘*Arad* pernah dibahaskan oleh para ulama Muktazilah seperti Mu‘ammar bin ‘Abbad, Al-Nazzam (A. Hanafi, 1974b) dan disambung kemudiannya oleh para pengikut Al-Asy‘ari seperti Al-Baqillani dalam *Al-Tamhid* (A. Hanafi, 1974b) manakala Gerak dan diam pula pernah telah dibahaskan oleh Al-Nazzam, Al-‘Allaf (A. Hanafi, 1974b). Oleh yang demikian, terdapat dua dalil yang diperkenalkan oleh pengikut Al-Asy‘ari iaitu dalil yang disebut sebagai teori *Jauhar Fard* dan dalil yang disebut sebagai *mungkin* dan *wajib*. Kedua itu dikemukakan sebagai dalil dalam membuktikan wujud Tuhan (M. Laily Mansur, 1981).

Menurut A. Hanafi (1974) Al-Maturidi mengemukakan tiga dalil: Pertama, Dalil perlawanan ‘*arad* iaitu alam ini tidak mungkin qadim, kerana padanya terdapat keadaan yang berlawan, seperti diam dan gerak, baik dan buruk dan lain-lain. Keadaan tersebut adalah baru dan sesuatu yang tidak terlepas dari yang baru pula. Dalil tersebut hanyalah salinan dari dalil atom dan ‘*arad* yang telah dikemukakan aliran Muktazilah dan Al-Asy‘ari. Kedua : Dalil terbatas dan tidak terbatas iaitu alam ini terbatas. Tiap yang terbatas adalah baru. Jadi alam ini baru. Dalil ini diambil dari Al-Kindy dan Al-Kindy pula diambil dari Aristoteles. Ketiga : Dalil Causalitet, perubahan dan perhatian. Dalil Causalitet mengatakan bahawa alam ini tidak boleh mengadakan dirinya sendiri atau memperbaiki dirinya kalau rosak. Jadi memerlukan Zat yang mengadakannya. Dalil Perubahan mengatakan bahawa kalau alam ini ada dengan sendiri tentu keadaan tetap satu. Akan tetapi alam ini selalu berubah, yang bererti ada sebab perubahan itu. Dalil perhatian cukup jelas, kerana wujud alam ini bentuk yang sesuai dengan wujud manusia, haiwan dan tumbuhan-tumbuhan membuktikan adanya perhatian Tuhan yang meratai semua makhluknya (A. Hanafi, 1974).

Demikianlah perbincangan dalam teori atom adalah berdasar falsafah Materialisme sedangkan perbincangan dalam teori *Jauhar Fard* adalah berdasarkan falsafah ketuhanan. Dengan kata lain masalah utama yang menjadi perbincangan ahli kalam tentang Sains Semula Jadi adalah hubungan antara Allah dan alam dengan menggunakan prinsip berbentuk mengada dan menjadikan daripada tiada dan ciptaan yang baru iaitu alam (Al-Khawli, 1995).

Kesimpulan

Sains Semula Jadi merupakan pengajaran tentang fenomena-fenomena semula jadi yang turut disaksikan oleh hamba Allah Taala secara sama rata. Dalam pengajaran tersebut belum terdapat mana-mana

tamadun manusia yang mengaitkannya dengan agama samawi kecuali tamadun Islam. Terdapat ramai para ulama Tauhid yang menerapkan Sains Semula Jadi di dalam penulisan mereka. Hal ini dilakukan adalah bertujuan untuk membuktikan kewujudan Allah dan meneguhkan keyakinan mereka terhadap-Nya. Antaranya penerapan yang diserapkan adalah baru Alam semesta dan segala isi sebagai tanda kewujudan Allah yang dilakukan oleh Al-Imam Al-Sanusi di dalam kitab *Umm Al-Barahin*.

Rujukan

- Al-Qur'an al-Karim.
- 'Abduh, Al-Syeikh Muhammad. (1979). *Risalah Tauhid* (K.H. Firdaus A.N, terj.), 7th ed. Jakarta: Bulan Bintang.
- Abdul Aziz Omar Ahmad. (2001). *Asas 'Aqidah Islam*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd
- Abdulfatah Haron Ibrahim. (2003). *'Aqidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah dan Kebatinan*, 2nd ed. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Abdul Rahman Haji Abdullah. (1990). *Pemikiran Umat Islam di Nusantara Sejarah dan Perkembangannya Hingga Abad ke-19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Zahrah, Imam Muhammad. (1996). *Aliran Politik dan 'Aqidah dalam Islam* (Abd. Rahman Dahlan dan Ahmad Qarib, terj.) dari Tarikh al-Madhahib al-Islamiyyah, Jakarta: Logos Publishing House.
- Ahmad Daudy. (1983). *Allah dan Manusia dalam Konsepsi Syeikh Nuruddin ar-Raniri*. Jakarta: CV. Rajawali.
- Ahmad Husni Bin Haji Hasan. (2012). *Keharmonian Data Saintifik Dengan Kemukjizatan Al-Quran: Satu Tinjauan Dari Aspek Metodologi Al-Ijaz al-Ilmi*. Kertas Kerja Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan 1433H./2012, m.s. 11-17. Perak: Jabatan Agama Islam Perak Darul Ridzuan.
- A. Hanafi. (1974). *Pengantar Theology Islam*, 2nd ed. Jakarta: Jaya Murni.
- A. Hanafi. (1974b). *Theology Islam (Ilmu Kalam)*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Ayi Darmana. (2012). Internalisasi Nilai Tauhid Dalam Pembelajaran Sains. *Jurnal Pendidikan Islam*. Vol. XVII No. 1 2012, Bandung: Faculty of Tarbiyah and Teacher Training. 66-84.
- Al-Bayjuri, Al-Syeikh Ibrahim. (1269H.). *Hasyiyah Al-'Allamah Al-Bayjuri 'ala Matn al-Sanusiyyah*. Misr: 'Abd al-Hamid Ahmad Hanafi.
- Baharuddin. (2014). Relasi Antara Science Dengan Agama. *Al-Hikmah Jurnal Dakwah*. Vol 8. No. 2 2014. Pontianak: Institut Agama Islam Negeri. 71-85.
- Al-Fadali, al-Syeikh Muhammad bin Al-Syafi'i. (t.th.). *Kifayah al-'Awam fi 'Ilm al-Kalam*. Bangkok: Muhammad Nahdi wa Awladah.
- Ghanimah, 'Abd al-Fatah Mustafa. (t.th.). *Falsafah al-'Ulum al-Tabi'iyyah*. tk: tp.
- Al-Khawli, Yumna Tarif. (1995). *Al-Tabi'iyyat fi 'Ilm al-Kalam*. Al-Qaherah: Dar al-Thaqafah.
- Al-Marry, Saqer. (t.th.). *Allah wa al-'Ilm al-Hadith*. tk: Wuzarah al-Difa'.
- Al-Sanusi, Al-Imam Muhammad bin Yusuf. (t.th.). *Syarh Umm Al-Barahin*. *Al-Dusuqi 'ala Umm Al-Barahin* (Al-Dusuqi, ed), m.s. 2-238. Bangkok: Muhammad Nahdi wa Awladah.
- Basya, Ahmad Fu'ad. (1984). *Falsafah al-'Ulum bi Nazrah Islamiah*. Mesir: Dar al-Ma'arif.
- Fakhry, Majid. (1989). *Sejarah Falsafah Islam*, (terj.) dari A History of Islamic Philosophy. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gibb, H.A.R. (1992). Kata Pengantar. *Pengenalan Doktrin Kosmologi Islam* (Seyyed Hossein Nasr, ed.), m.s. xi-xvi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim Abu Bakar. (2001). *Ilmu Kalam Paucis Verbis*. Shah Alam: Karisma Publications.
- Labib, Mustafa. (2015). *Al-Tasawwur al-Islami li al-Tabi'i*. Al-Qaherah: Al-Hai'ah al-'Amah li Qusur al-Thaqafah.
- Madkur, Ibrahim. (1983). *Al-Mu'jam al-Falsafi*. Al-Qaherah: Al-Hay'ah al-'Amah li Ayu'un al-Matabi' al-Aamiryah.
- Mahmud, Al-Shaikh Abdul Halim. (1995). *Islam & Akal* (Mohd Fakhruddin Abd Mukti, terj.) dari Al-Islam wa al-'Aql, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mat Rofa Ismail. (1997). *Mantik dalam Babak Pemikiran Ilmiah Tamadun Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- M. Laily Mansur, H. (1981). *Imam Asy'ari Mengenal Hidup dan Pokok Pikiran Teologi*. Surabaya: Bina Ilmu.
- Mohd Fuad Othman, Mohd. Aderi Che Noh, Maimun Aqsha Libis dan Wan Nurul Syuhada' Wan Hassan. (2017). Pendidikan Rohani Berasaskan Sains Al-Quran. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islamic and Civilization* (ACER-J), vol. 1 (1) January 2017. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 61-64.
- Nadvi, Muzaffarruddin. (1984). *Pemikiran Muslim dan Sumbernya* (Drs. Adang Affandi, terj.) dari Muslim Thought and Its Source, Bandung: Pustaka.
- Nawfal, 'Abd al-Razzaq. (1958). *Al-Islam wa al-'Ilm*

al-Hadith. Mesir: Dar al-Ma‘arif.

Al-Tauhidi, Abu Hayyan. (2011). *Al-Imtina‘ wa Al-Mu’anasah.* Beirut: Al-Maktabah Al-‘Asriyyah.

Yahya, Harun. (t.th). *Fahm Sari‘ li al-Iman.* (Ghassan Johar terj.). New Delhi: Good Word Books.